

Sila semak semasa penyampaian

Ucapan

YB Menteri Kerja Raya

Dato' Shaziman bin Abu Mansor

Sempena

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan

Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya Julai 2009

2 Julai 2009 (Khamis)

Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat llahi, kerana dengan limpah kurnianya, pada pagi ini kita dapat berkumpul dalam majlis anugerah perkhidmatan cemerlang tahun 2008 dan perhimpunan bulanan warga Kerja Raya bagi bulan Julai 2009.
2. Saya dimaklumkan bahawa, pada hari ini, seramai 815 orang pegawai dan kakitangan di kementerian dan agensi-agensi di bawahnya akan diberi pengiktirafan anugerah perkhidmatan cemerlang tahun 2008. Daripada jumlah tersebut, seramai 61 orang adalah daripada Kementerian Kerja Raya, 686 orang daripada Jabatan Kerja Raya, 45 orang daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan 23 orang daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
3. Justeru itu, sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada mereka yang telah terpilih sebagai penerima anugerah perkhidmatan cemerlang tahun 2008 ini. Sesungguhnya penganugerahan adalah satu tanda pengiktirafan daripada kerajaan dan Kementerian Kerja Raya terhadap prestasi cemerlang yang telah dipamerkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sepanjang tahun lepas.

4. Besarlah harapan saya supaya pengiktirafan ini akan menjadikan tuan/puan lebih bersemangat di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan, di samping menjadi motivasi kepada seluruh warga Kerja Raya untuk membudayakan amalan kerja yang mementingkan kecemerlangan. Kita seharusnya mempunyai sikap mahu melakukan yang terbaik dalam melaksanakan

Sila semak semasa penyampaian

kerja dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita. Kepuasan bekerja kepada kita ialah apabila usaha kita telah membawa kepada pencapaian terbaik untuk Kementerian dan Kerajaan serta memberi faedah kepada rakyat.

5. Sedar atau tidak, kita sudah melalui lebih daripada separuh fasa pelaksanaan Rancangan Malaysia ke 9. KKR telah mencatatkan prestasi kewangan yang memberansangkan di mana sehingga 15 jun 2009, peratus perbelanjaan KKR adalah sebanyak 51.7% daripada jumlah yang diperuntukkan, dan KKR berada di tempat kedua berbanding 25 buah kementerian yang lain. Ia menunjukkan satu angka perbelanjaan yang baik dan seterusnya dapat memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara.

6. Prestasi KKR juga dapat diterjemahkan melalui kejayaan pembinaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, sekolah dan hospital demi mengimbangi keperluan sosio-ekonomi negara dan menyediakan kualiti prasarana yang terbaik kepada rakyat. Namun persoalannya, adakah projek-projek tersebut:

- I. Menepati jangka waktu yang ditetapkan?
- ii. Menepati kualiti atau standard yang digariskan?
- iii. Menitikberatkan ciri-ciri keselamatan projek?
- iv. Membudayakan aspek penyelenggaraan yang cekap dan efisien? dan
- V. Menepati aspek kepuasaan *stakeholders* serta pelanggan?

Sebenarnya soalan-soalan yang saya sebutkan sebentar tadi adalah satu cabaran yang amat besar kepada Kementerian ini dan ianya bukan mudah untuk dilaksanakan tanpa sokongan padu daripada semua warga KKR. Cabaran-cabaran ini perlu digalas oleh kita semua dan berazam untuk memastikan segala persoalan yang ditimbulkan tadi dapat diatasi supaya rakyat mendapat faedah yang sepatutnya mereka nikmati.

Seperti mana yang telah saya nyatakan dalam ucapan sulung saya dahulu, kita hari ini memikul satu jenama JKR yang cukup besar dan membanggakan. Bagi mengekalkan brand yang ulung ini, setiap dari kita perlu sentiasa bersatu dan

berkerjasama tanpa mengira jawatan yang kita pegang. Tidak ada gunanya kita tinggal sebumbung kalau satu kumpulan bergerak ke hulu dan satu lagi menghala ke hilir. Konsep bersatu ini bukan saja kita amalkan di Kementerian ini malah ianya penting untuk kita bersatu demi negara selaras dengan konsep Satu Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri.

7. Dalam usaha kita untuk mencapai sasaran RMK9 yang akan tamat dalam tempoh satu setengah tahun lagi serta persediaan dalam RMK10, apakah pengalaman dan pelajaran yang telah kita perolehi supaya tuan-tuan dan puan-puan selaku jentera pelaksana kerajaan yang utama dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat? Dua perkara utama yang perlu diambil perhatian adalah mengenai **best practices** yang perlu kita teruskan dan yang kedua apa yang perlu kita perbaiki melalui penambahbaikan secara berterusan.
8. Dalam melaksanakan penambahbaikan ini, kita perlu melihat kepada sudut "**life cycle costing**". Life cycle costing adalah satu teknik pendekatan berstruktur yang memberi tumpuan kepada elemen kos secara holistik supaya satu-satu produk atau perkhidmatan dapat digunakan secara optimum melalui perancangan, pelaksanaan dan penyenggaraan yang berkesan. Ia juga menitikberatkan kepada isu-isu yang melibatkan penggunaan teknologi yang bersesuaian, penambahbaikan aspek keselamatan dan penggunaan tenaga yang lebih efisien. Melalui pendekatan ini, kerajaan dapat menjimatkan wang rakyat dalam tempoh jangka masa yang panjang. Sebagai contoh, walaupun penggunaan konsep IBS di dalam projek kerajaan telah menyebabkan pertambahan kos, namun langkah ini telah berjaya menjimatkan kerajaan dalam aspek penyenggaraan dan kualiti pembinaan. Oleh yang demikian, KKR perlu melakukan lebih banyak perubahan dan anjakan paradigma dalam memberi khidmat nasihat teknikal kepada kerajaan berhubung perkara ini.
9. Kita akui, setiap organisasi mempunyai kelemahan dan kekuatan yang tersendiri. Apabila kita berjaya melakukan satu perkara baik sudah pasti pujian yang datang kepada kita, sebaliknya apabila sesuatu yang kurang senang berlaku melibatkan kita, kita juga akan menerima kritikan dan tohmahan keras. Bagi saya

Sila semak semasa penyampaian

itu adalah satu lumrah kehidupan. Maka disinilah sebenarnya cabaran kepada kementerian ini yang mana kita perlu bekerja sebagai satu pasukan, tiada lagi menuding (point the finger) kesalahan sesama sendiri sebaliknya kita berusaha untuk mencari mekanisme yang terbaik di meja perbincangan. Kita perlu segera menangani masalah ini di mana segala keputusan yang dibuat oleh pakar-pakar dalam bidang kemahiran masing-masing adalah yang terbaik bagi semua pihak yang terlibat.

Setiap organisasi memerlukan kepimpinan yang terbaik. Kepimpinan yang baik ialah kepimpinan yang sensitif kepada masalah kakitangannya dan kepimpinan yang berjaya memimpin organisasi dan warganya ke mercu kejayaan dengan bekerja sebagai satu pasukan. Sebagai pemimpin organisasi yang efektif yang merupakan ketua kepada satu keluarga yang besar, kita harus memastikan orang bawahan kita dapat bekerja dalam suasana yang selesa. Itulah sebabnya, kita perlu mengambil tahu hal kebijakan pekerja kita.

Sebagai contoh bagi JKR, apakah kuarters tempat tinggal kakitangan kita di tahap selesa? Apakah kakitangan kita bekerja di dalam pejabat yang selesa atau bekerja dalam pejabat yang sesak? Kita tidak mahu ketika kakitangan kita berada di pejabat atau tapak binaan, fikirannya berada di rumah memikirkan keselamatan anak-anak dan sebagainya. Ini penting kerana tanpa suasana kehidupan yang baik, sukar buat warga kita untuk memberi sumbangan yang terbaik kepada Kementerian kerana hanya dengan mempunyai pasukan yang mantap dapat kita mencipta kejayaan yang kita harapkan.

Untuk itu saya dan DatoqKSU berjanji akan memastikan kebijakan kakitangan kita terbela.

10. Baru-baru ini Kabinet telah membuat keputusan bahawa adalah wajar JKR diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk memantau pelaksanaan projek-projek kerajaan kerana sebagaimana kita semua sedia maklum, tidak semua projek kerajaan dilaksanakan oleh JKR. Ini adalah untuk memastikan JKR tidak dipersalahkan sekiranya berlaku sebarang kecacatan yang disebabkan oleh pihak

kontraktor mahupun konsultan. Keputusan yang telah diambil oleh kerajaan ini akan disusuli dengan proses perancangan dan pelan tindakan yang bersepadu supaya JKR dapat memastikan setiap projek kerajaan yang disiapkan bukan sahaja menepati jadual pelaksanaan malah mempunyai kualiti yang tinggi.

11. Maka menjadi tanggungjawab KKR untuk memastikan setiap kontraktor yang ingin menjalankan projek kerajaan mempunyai ilmu, kepakaran dan pengalaman yang tinggi untuk bersaing di era liberalisasi ini. Ilmu yang dimaksudkan adalah ilmu yang khusus dan spesifik dalam bidang-bidang yang berkaitan. Pada hari ini, kita memerlukan kontraktor yang mahir dan mempunyai kepakaran dalam pengkhususan sesuatu bidang.

12. Era liberalisasi adalah satu persekitaran yang menuntut kita semua lebih bersifat pantas dalam membuat sebarang keputusan. *Business is not as usual*. Kita perlu menggunakan segala sumber yang ada dengan sebaik mungkin bagi memberi pulangan yang terbaik kepada rakyat. Dunia sudah tahu kita mampu membina bangunan berkembar tertinggi di dunia, jambatan terpanjang serta bangunan canggih tapi kita amat sedih jika keupayaan itu tidak mencerminkan kepada budaya penyelenggaraan yang bertaraf dunia. Apa guna kita membina tetapi kita tidak mampu menyelenggaranya dengan baik. Kita perlu menerapkan budaya penyenggaraan dalam diri masing-masing dengan mengambil kira nilai pembangunan yang mapan.

13. Saya kini berucap di hadapan barisan yang terbaik atau ***the cream of the crop***. Tuan-tuan adalah penentu kepada semua cabaran yang akan dan bakal dipikul oleh kementerian dalam usaha memberikan kualiti perkhidmatan yang ulung kepada rakyat. Di tangan tuan-tuanlah terletak segala keputusan dan arahan yang akan menjawab segala persoalan dan cabaran-cabaran yang saya telah lontarkan sebentar tadi. Sebagai yang terbaik tuan-tuan perlu menunjukkan contoh dan membudayakan budaya kerja yang cemerlang dan seterusnya bukan sahaja memenuhi ekspektasi malah melebihi ekspektasi pelanggan.

14. Ini hanya boleh dilakukan jika kita mampu dan berani membawa perubahan di dalam organisasi yang kita wakili. Memetik kata-kata Mahatma Gandhi, "**we must become the change we want to see in the world**" kita perlu fokus dalam melihat gambaran yang besar dan seterusnya mengenengahkan faktor penting dalam perubahan ini, iaitu koordinasi yang utuh di antara semua agensi di bawah KKR. Kerja berpasukan adalah jauh lebih baik daripada persaingan sesama sendiri. **We need to complement but not compete.** Satu kerangka kerja yang komprehensif serta perkongsian maklumat secara ideal adalah amat perlu dikalangan warga KKR supaya segala tindakan segera berhubung tanggungjawab kita dapat di ambil dengan cepat dan pantas. Kita mesti bergerak ke arah mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi. **We have to move to a higher level of excellence.**

15. Dalam sesebuah organisasi perlu ada matlamat yang jelas. Matlamat ini seterusnya perlu ditetapkan tempoh untuk mencapainya. Dalam proses pencapaian matlamat ini, kerajaan telah pun memperkenalkan petunjuk prestasi utama (KPI). KPI ini akan digunakan secara menyeluruh bagi memantau dan menilai prestasi setiap Menteri di dalam kementerian masing-masing. Di Kementerian Kerja Raya, KPI yang telah dirangka adalah berdasarkan kepada empat *key result area* yang utama. Key result area tersebut adalah :

- Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara yang berdasarkan industri binaan
- Mengurangkan kadar kemalangan yang disebabkan oleh keadaan kejuruteraan jalan di jalan persekutuan
- Membangun, mengembang dan memantapkan industri pembinaan negara supaya boleh bersaing di pasaran global
- Meningkatkan pengukuhan usahawan bumiputera dalam industri binaan negara

16. Dalam menentukan KPI KKR ini, saya sering berpesan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan KKR supaya berani dalam membawa perubahan. Untuk melakukan perubahan ini, kita tidak boleh lagi menjalankan tugas dalam keadaan zon selesa (comfort zone). Keberanian ini terletak kepada kekuatan minda, semangat untuk mencuba, bersungguh-sungguh dan bersedia menghadapi risiko dan kepayahan. Dalam kata lain, penghalang kepada keberanian adalah ***indifference***. Oleh itu, kita mesti berani melakukan perubahan.
17. Saya juga berhasrat agar tuan-tuan dan puan-puan sekalian dapat merangka KPI masing-masing, supaya kita akan menjadi lebih fokus terhadap tugas yang diberikan. KPI ini akan menjadi satu penggalak kepada kita untuk mencapai sesuatu yang lebih daripada kebiasaan (***extra ordinary***). Oleh yang demikian, pencapaian yang lebih daripada kebiasaan ini akan memberi natijah yang baik kepada rakyat dan negara jua.
18. Akhir sekali, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penerima anugerah pada hari ini. Teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan dan jangan hentikannya di pertengahan jalan. Kepada yang tidak menerima anugerah, bukan bermakna tidak cemerlang, tetapi jadikanlah ia sebagai pembakar semangat dan berusahaalah dengan lebih gigih untuk meraihnya di masa akan datang.

Terima kasih.